

**TEKS UCAPAN
YDH INSPEKTOR JENERAL
TAN SRI DATO' SRI KHALID BIN ABU BAKAR
KETUA POLIS NEGARA
SEMPENA MAJLIS MINUM PETANG
KETUA POLIS NEGARA BERSAMA PERSATUAN KEPOLISAN
KOMUNITI MALAYSIA 2016**

**PADA : 22 JANUARI 2016 (JUMAAT)
MASA : 4.00 PETANG
TEMPAT : PADANG BESAR, JALAN PU 7/4
TAMAN PUCHONG UTAMA,
SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berusaha

Saudara dan saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati

Komisioner Polis

Dato' Acryl Sani bin Abdullah Sani

Pengarah Jabatan Pencegahan dan Keselamatan Komuniti

Yang Dihormati

Komisioner Polis

Dato' Samah bin Haji Mat

Ketua Polis Selangor

Yang Dihormati

Komisioner Polis

Dato' Tajuddin bin Md Isa

Ketua Polis Kuala Lumpur

Yang Dihormati

Komisioner Polis

Dato' Wan Ahmad Najmuddin bin Mohd

Ketua Polis Johor

Yang Berbahagia

Encik Kuan Chee Heng

Pengerusi

Persatuan Kepolisian Masyarakat Malaysia

Yang Dihormati Datuk-Datuk, pegawai-pegawai kanan, ahli-ahli Persatuan Kepolisian Komuniti, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya, kita dapat bersama-sama pada petang ini.

Seterusnya saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Encik Kuan Chee Heng, Pengerusi Persatuan Kepolisian Masyarakat Malaysia serta seluruh ahli persatuan yang sudi mengundang saya ke majlis petang ini.

Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada penganjur dan seluruh ahli jawatankuasa Persatuan Kepolisian Masyarakat Malaysia dengan kerjasama Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti PDRM di atas inisiatif menganjurkan majlis ini. Inilah yang kita mahukan iaitu semangat kerjasama dan permuafakatan antara masyarakat dan PDRM dalam bersatu memerangi dan mencegah jenayah.

Hadirin yang saya muliakan,

Kepolisian Komuniti (*Community Policing*) merupakan satu pendekatan semasa dalam usaha memerangi jenayah di mana ia sangat memerlukan kerjasama yang erat di antara polis dengan masyarakat. Peranan masyarakat dalam membantu pihak polis menjaga keamanan dan membanteras kegiatan jenayah merupakan tunjang utama ke arah mencapai kesejahteraan dan keselamatan komuniti.

Kita tidak dapat menyangkal peranan **Persatuan Kepolisian Komuniti** dalam usaha mencegah jenayah. Kerjasama erat persatuan ini dengan pihak polis telah banyak membantu dalam mengurangkan kegelisahan dan keresahan masyarakat yang memerlukan kehadiran pihak polis di kawasan mereka setiap masa.

Pengwujudan '*Community Policing*' juga bukanlah semata-mata melepaskan tanggungjawab menjaga keselamatan dan ketenteraman awam seratus peratus di atas bahu masyarakat yang secara suka rela membantu pihak polis dalam pencegahan jenayah, namun ia adalah antara strategi ampuh dan menyeluruh bagi mengurangkan peluang kepada perlakuan jenayah.

Sebagai agensi penguatkuasaan undang-undang utama negara, pihak polis sedar bahawa masyarakat berhak untuk menikmati kesejahteraan dan keamanan dalam kehidupan. Di samping itu, mereka juga berhak memperoleh perkhidmatan kepolisian yang berkualiti, profesional dan berintegriti. Menyedari hakikat ini, pihak polis sentiasa berusaha keras untuk memenuhi ekspektasi dan harapan masyarakat terhadap perkhidmatan yang disediakan, terutamanya dalam aspek pencegahan jenayah.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Baru-baru ini, dunia telah dikejutkan dengan insiden pengeboman di Jakarta oleh pihak Islamic State (IS). Ekoran daripada kejadian tersebut, PDRM telah

meningkatkan kawalan keselamatan ke tahap maksimum di pintu-pintu masuk utama negara dan tempat tumpuan umum.

Selain itu, kerjasama erat dengan agensi-agensi penguatkuasa lain seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) turut dipertingkatkan, demi menyakinkan masyarakat bahawa kita tidak akan berkompromi dalam menangani ancaman keganasan. Kita sentiasa siap siaga dalam menghadapi sebarang bentuk ancaman yang mendatang.

Dalam masa yang sama, kecanggihan teknologi terkini turut sama memberi cabaran kepada kami, khususnya penyalahgunaan media sosial yang semakin meruncing di kalangan masyarakat. Penyebaran berita dan maklumat palsu mahupun fitnah melalui media sosial ini dilihat mampu mendatangkan kegusaran dan mengganggu-gugat keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Maka dalam hal ini juga, PDRM komited untuk terus memantau sebarang penyalahgunaan media sosial bagi tujuan membendung gejala-gejala kurang sihat di kalangan pengamal media sosial ini. Justeru, masyarakat dinasihatkan supaya tidak mudah mempercayai khabar angin atau menyebarkan maklumat yang diterima melalui mana-mana platform media sosial sebelum mendapatkan pengesahan daripada pihak berkuasa, terutamanya yang melibatkan isu-isu keselamatan dan sensitif.

Para hadirin sekalian,

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan ke arah sebuah negara yang maju dan berdaya saing, PDRM juga sentiasa mencari jalan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kami, termasuklah memantapkan integriti setiap warganya. Bagi tujuan tersebut, masyarakat dialu-alukan untuk tampil ke hadapan untuk memaklumkan apa jua salah-laku pihak polis tanpa merasa ragu-ragu dan bimbang.

Adalah menjadi tanggungjawab kita setiap umat untuk mengamalkan “amal ma’aruf nahi mungkar”, termasuklah melaporkan kemungkaran yang berlaku dengan tujuan memperbetulkan keadaan. Usaha ini penting dalam memastikan setiap warga PDRM mempunyai disiplin yang tinggi dan beretika dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan dalam perjumpaan ini untuk mengingatkan para ahli Persatuan *Community Policing* supaya menjalankan tugas dengan baik dan beretika. Pastikan setiap tindakan yang diambil semasa menjalankan tugas adalah mengikut apa yang telah diperuntukkan di dalam **Arahan Ketua Polis Negara Bil. 104 – Garis Panduan Penyeragaman Persatuan Kepolisan Komuniti (*Community Policing*) Malaysia** bertarikh 23 Jun 2015. Ini kerana, setiap warga Malaysia adalah terikat dengan undang-undang sedia ada. Sebagai ahli persatuan *Community Policing*, anda sekalian haruslah peka dengan perkara ini bagi mengelakkan salah guna kuasa mahupun kekeliruan di kalangan orang awam.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Kepolisan Komuniti Malaysia kerana telah menjemput saya pada majlis petang ini. Semoga program-program yang diatur seperti ini akan menjadi satu platform kepada kita untuk saling bertukar pandangan di samping mengeratkan silaturahim yang terjalin di antara kita, polis dan masyarakat, menepati tema Hari Polis kita;

“POLIS DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA”.

Sekian, wabillah hitaufik walhidayah wassalam mualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Terima kasih.